



**MALAY A1 – STANDARD LEVEL – PAPER 1**  
**MALAIS A1 – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1**  
**MALAYO A1 – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1**

Tuesday 3 May 2005 (morning)

Mardi 3 mai 2005 (matin)

Martes 3 de mayo de 2005 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a commentary on one passage only. It is not compulsory for you to respond directly to the guiding questions provided. However, you may use them if you wish.

**INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez un commentaire sur un seul des passages. Le commentaire ne doit pas nécessairement répondre aux questions d'orientation fournies. Vous pouvez toutefois les utiliser si vous le désirez.

**INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un comentario sobre un solo fragmento. No es obligatorio responder directamente a las preguntas que se ofrecen a modo de guía. Sin embargo, puede usarlas si lo desea.

*Tulis sebuah ulasan mengenai **satu** daripada petikan-petikan berikut:*

1. (a)

Selepas Apih, Jalo Tohap dapat empat orang anak: Dalan, Damar, Piah dan Unim. Di kalangan mereka hanya Damar yang bernasib baik bermata terang. Dengan itu, Jalo Tohap rasa nasibnya bertambah baik. Yang ketiga-tiga itu siang nampak samar, malam meraba-raba. Jalo Tohap tidak pernah ragu bahawa penyakit anak-anak itu adalah sumpah yang diwarisinya; dia menggigil memikirkan rupa seksaan akan datang yang memang tidak boleh elak.

Apih naik dewasa bertambah cantik: putih, lembut, dengan matanya begitu besar sehingga orang sangka dia berasal dari kayangan. Bila usianya meningkat 16, maka suami untuknya perlu dicari. Dan ramai yang datang untuk mengucup tangannya dari luar batasan kampung kami; malah ada dari suku-suku atasan. Dan yang paling layak ialah pemuda dari pekan Jelebu, Mat Hingus, seorang mata-mata. Dan kerja mata-mata itu besar ertinya kepada Jalo Tohap yang dulunya pernah menjadi mata-mata, sebelum Perang Dunia Kedua. Lambat-laun watak Mat Hingus menjelma: penipu, penyombong, pencilopar, amat bertentangan dengan watak Jalo Tohap. Dan kesukaannya memukul Apih dan anak-anaknya memperingatkan gadis-gadis kampung supaya berjaga-jaga bila mencari suami. Butanya Jalo Tohap terhadap tingkah laku Mat Hingus menjadi teka-teki kepada kami. Sebenarnya Jalo Tohap amat bangga dengan menantunya itu, kakak, selalu berpura-pura berlidah manis. Jalo Tohap mengingatkan kami bahawa Mat Hingus tidak lama lagi akan naik pangkat sarjan. Kebetulan pula Mat Hingus dipindahkan dari Jelebu ke daerah Rembau, mengetuai Stesen Polis Pekan Tawar, kini naik jadi sarjan dengan tiga mata-mata di bawahnya. Selain dari mendiami kuarters kerajaan di stesen, Sarjan Mat Hingus membina rumah di kampung kami, di atas tanah yang Jalo Tohap beli untuknya. Dan barulah watak jahatnya menjelma.

Mat Hingus meyakinkan Jalo Tohap bahawa dia sepatutnya menyimpan pencennya dengan Tabung Haji. Mat Hingus berjanji untuk menguruskan kerja-kerja kertas. Jadi setiap bulan Mat Hingus membawa duit dari kampung ke Seremban dan masukkan ke dalam Tabung Haji. Beberapa tahun berlalu dan Mat Hingus memberi tahu Jalo Tohap bahawa tiket untuk ke Makkah akan sampai beberapa hari nanti. Maka Jalo Tohap pun amat gembira. Mat Hingus berkata dia akan periksa dengan Tabung Haji untuk mengesahkan serba-serbi berjalan betul. Tapi Mat Hingus tidak pulang sehingga menerbitkan sedikit sebanyak syak wasangka. Sekeping telegram dari Kuala Lumpur mengatakan tiket akan sampai dalam dua hari. Jalo Tohap sabar menanti, mengira-ngira kalau baju kot berbutang perak sesuai untuk ke Makkah. Dia menguncup-nguncupkan jari-jari kakinya untuk menyusuk masuk ke dalam kasut kulit tiruan sebab sudah sekian lama dia berkaki ayam. Sebuah lagi telegram dari Jeddah mengatakan bahawa dia, Mat Hingus, adalah sihat-sihat saja. Meradang, kami orang-orang tua kampung bermesyuarat dalam masjid dan membincangkan penipuan yang kejam ini. Kami hantar dua wakil ke Tabung Haji. Mereka melaporkan bahawa Tabung Haji tiada

mempunyai rekod mengenai sesiapa yang bernama Jalo Tohap; sebaliknya, ada simpanan wang kepunyaan Mat Hingus.

Kami mendesak Jalo Tohap supaya melaporkan penipuan ini kepada Balai Polis Seremban. Jalo Tohap enggan. Dia berkata: “Dio ditangkap siapa nak  
45 boyi anak bini eh makan?” Dan sekembalinya Mat Hingus dari Tanah Suci, dia memerintah agar orang panggil dia Sarjan Haji Mat Hingus. Dia menghadihkan Jalo Tohap sekilo kurma Arab dan tikar sembahyang Parsi sudah terpakai. Dia berkata kerani di Tabung Haji yang silap tulis nama dia bukan nama Jalo Tohap. Kini sebagai seorang haji, Sarjan Haji Mat Hingus berkokok bahawa Tuhan sudah  
50 membersihkan segala dosanya dan menghadihkannya pula dengan himpunan pahala atas menunaikan fardhu yang penuh cabaran itu. Maka dia minta maaf atas kesilapan yang tidak sengaja itu. Jalo Tohap memaafkannya, dengan alasan bahawa dia belum lagi menerima seruan ke Tanah Suci.

Dipetik daripada Zakaria Ali, *Potret Sebuah Keluarga, Malay Literature*, Vol. 15, No. 1, 2002

- Bincangkan pemaparan kedua-dua watak protagonis dan antagonis dalam petikan ini.
- Apakah persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh pengarang?
- Beri pandangan anda tentang gaya bahasa dalam petikan di atas.
- Apakah kesan yang anda rasa setelah membaca petikan ini?

1. (b)

**Pahlawan Ialah Dia**

Pahlawan ialah warga yang mengalirkan keringat  
demi menyuburkan ladang negara sayang  
Pahlawan ialah warga yang menitiskan darah  
demi menghidupkan simfoni negara berbilang.

- 5 Dialah pahlawan yang mengumpulkan tenaga siap sedia  
atas nama negara yang tak dibiarkan leka  
Dialah pahlawan yang menghimpunkan setia tahan uji  
Atas nama negara yang tak dibiarkan mati.

- 10 Siang-siang berjaga-jaga kerana tak rela  
masa depan bangsanya lena  
Malam-malam waspada kerana tak sanggup  
peluang bangsanya tertutup.

- 15 Khidmat cemerlangnya mengapung  
pada permukaan bahang puji dan keji  
Semangat wajanya kental membara  
di udara kaji dan uji.

- 20 Mentari waktu menyambar kasih sayangnya  
pada keluarga semasa bertugas jauh  
Bulan masa merebut tidurnya  
dari sisi dikasihi oleh jadual cemas.

- 25 Dialah laskar pelindung kota penyokong desa  
warga yang tekadnya disimpulmatikan  
oleh jawapan sejahtera aman  
Dialah nadi ketahanan industri teknologi kembangan  
memikul amanah tak berkesudahan  
demi mencari jawapan makmur raya.

Dipetik daripada A. Ghafar Ibrahim, *Malay Literature*, Vol. 15, No. 2, 2002

- Apakah tafsiran anda tentang persoalan-persoalan yang terdapat dalam sajak ini?
  - Bincangkan unsur-unsur perlambangan yang digunakan oleh penyajak.
  - Sejauh manakah sesuainya imej-imej yang ditonjolkan dengan tema utama sajak?
  - Bincangkan tentang struktur puisi ini.
-